

**NO. SOALAN : 42**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING  
(PENAMPANG)**

**TARIKH : 10 JUN 2014**

**RUJUKAN : 6818**

**SOALAN:**

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [ Penampang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa buku mengenai kisah hidup seorang pemimpin Kadazan, Peter Mojuntin, bertajuk "*Golden Son of the Kadazans*" dikenakan tindakan larangan kerana disyaki memudaratkan keselamatan dan buku bertajuk "Pendedahan Agenda Kristian" yang diterbitkan oleh Majlis Agama Islam Selangor tidak dikenakan perintah larangan.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Penerbitan bertajuk “The Golden Son of the Kadazans” karya Bernard Sta Maria telah dikenakan tindakan Perintah Larangan di bawah Perintah Keselamatan Dalam Negeri (Tegahan Mengenai Penerbitan) mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 pada 19 Jun 1978 kerana memudaratkan kepentingan negara serta keselamatan Persekutuan dan ditegah pengedarannya di seluruh Malaysia.**

**Penerbitan ini dikenakan perintah larangan kerana mengandungi kritikan yang melampau terhadap Kerajaan Persekutuan yang antaranya didakwa membuat keputusan sewenang-wenangnya di Sabah. Ia amat cenderung ke arah mencetuskan pergeseran dan perbalahan di kalangan rakyat Malaysia terutamanya di kalangan penganut agama Kristian dan agama Islam. Dengan yang demikian kandungan buku ini dikhuatiri boleh memudarat atau mungkin memudaratkan keselamatan dan ketenteraman awam.**

**Berdasarkan penelitian dan kajian Kementerian terhadap buku bertajuk “Pendedahan Agenda Kristian” oleh Majlis Agama Islam Selangor, didapati isi kandungan buku berkenaan merupakan kajian**

**dan penjelasan pihak berkuasa agama Negeri Selangor terhadap agenda dan gerakan kristianisasi dan usaha-usaha memurtadkan umat Islam di Malaysia dari sudut Perlembagaan Persekutuan, undang-undang dan realitinya masakini. Buku ini membicarakan tentang cara penyebaran agama Kristian yang seharusnya diambil perhatian oleh umat Islam. Buku tersebut didapati tidak mengandungi bahan-bahan yang menyalahi peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.**

**Tindakan Kementerian Dalam Negeri mengenakan Perintah Larangan terhadap penerbitan "The Golden Son of the Kadazans" adalah bagi memelihara kesejahteraan rakyat dan ketenteraman awam serta keselamatan rakyat dan masyarakat sejajar dengan peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.**